

18 APR 2001

Abdullah-Mesyuarat

TIDAK PERLU ADAKAN SEMULA MESYUARAT JIKA KETUA BAHAGIAN BERSALAH

KUALA LUMPUR, 18 April (Bernama) -- Mana-mana bahagian Umno yang ketuanya didapati bersalah oleh lembaga disiplin parti tidak perlu mengadakan semula mesyuarat, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini.

Beliau berkata ketua bahagian atau penjawat lain yang didapati bersalah kerana politik wang atau kesalahan disiplin yang lain akan digugurkan dan jawatan yang dikosongkan itu akan dipangku oleh orang lain.

Bercakap pada persidangan media selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin Umno di ibu pejabat parti di sini, Abdullah berkata jawatan yang dikosongkan itu akan diisi mengikut proses biasa.

"Jika jawatan ketua bahagian kosong, timbalannya akan memangku jawatan itu sehingga pemilihan akan datang.

"Kita berpegang kepada prinsip jika sekiranya didapati kesalahan beberapa ahli itu tidak jejaskan keputusan pemilihan, maka pemilihan itu tak perlu diadakan semula."

"Melainkan jika kesalahan yang dilakukan boleh membawa perubahan kepada pemilihan, maka pemilihan perlu diadakan semula," katanya.

Mengenai keputusan Majlis Tertinggi (MT) untuk melaporkan kes politik wang kepada Badan Pencegah Rasuah (BPR), Abdullah berkata ini merupakan tindakan tegas yang diambil oleh MT untuk membersihkan Umno daripada gejala politik wang.

Beliau berkata walaupun sebelum ini pihak pengurusan Umno tidak mahu melibatkan agensi kerajaan seperti BPR dengan urusan parti namun sikap sesetengah anggota parti yang enggan mendengar nasihat pemimpin parti agar menjauhkan diri daripada politik wang mendorong MT membuat keputusan itu.

Mengenai sama ada tindakan itu boleh menjejaskan imej parti terutama sekiranya ada di kalangan anggota MT yang terbabit, Abdullah berkata mungkin ada yang akan berpendapat begitu.

Namun, katanya ada pihak lain yang menganggapnya sebagai satu tindakan baik dalam usaha membersihkan Umno daripada politik wang serta perbuatan lain yang memudaratkan parti tanpa mengira status seseorang itu dalam parti.

Abdullah berkata mesyuarat pengurusan juga membincangkan program bagi sambutan hari penubuhan Umno pada 11 Mei depan.

Beliau berkata antara program yang dirancang termasuk pertemuan kira-kira 2,000 anggota veteran Umno dengan presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

-- BERNAMA

AKT DC PR